

SIRI TANAH AIRKU

**KELANTAN  
DARUL NAIM**

*oleh Suraya*

NASKHAH CONTOH  
HARGA \$ 19-00

PENERBITAN HARTAMAS  
23, Jalan 3/57B, off Jalan  
Segambut Bawah, Segambut,  
51200 Kuala Lumpur.



PENERBITAN HARTAMAS

PENERBITAN HARTAMAS  
23, Jalan 3/57B, Off Jalan Segambut Bawah,  
Segambut,  
52100 Kuala Lumpur.

© PENERBITAN HARTAMAS  
Cetakan pertama 1995.

Perpustakaan Negara Malaysia      Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Suraya

Kelantan Darul Naim / Suraya.

(Siri tanah air ku)

ISBN 983-034-063-5 (set).

ISBN 983-034-071-6

1. Kelantan - - History. 2. Kelantan - - Economic conditions. 3. Kelantan - - Social conditions.
4. Kelantan - - Social life and customs. 5. Kelantan - - Description and travel. I. Judul. II Siri.

959.5121

APB 740421

03 MAY 1996

NASKHAD PEMELIHARAAN  
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

m  
959.5121  
SUR

**HAKCIPTA TERPELIHARA.** Tiada bahagian buku ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran, ditukarkan ke dalam apa bentuk sekalipun, samada secara elektronik, mekanikal, penggambaran semula, perakaman ataupun sebaliknya, tanpa izin terlebih dahulu dari PENERBITAN HARTAMAS.

Dicetak di Malaysia oleh: Cetaktama Sdn. Bhd.  
B4-09 K.L. Industrial Park, # 653, 5th. Mile Klang Road,  
58200 Kuala Lumpur.

## PRAKATA

‘Siri Tanah Airku’ memberi maklumat terperinci tentang setiap buah negeri di Malaysia. Siri ini sesuai sebagai sumber rujukan tambahan para pelajar Tahap Dua sekolah rendah dan sekolah menengah rendah untuk mata pelajaran **Kajian Tempatan**.

*Maklumat-maklumat disusun bermula daripada:*

- Profil Umum dan Kedudukan Fizikal
- Lintasan Sejarah
- Kegiatan Ekonomi dan Pentadbiran
- Keindahan Negeri
- Ciri-ciri Seni Budaya

Setiap negeri disertakan dengan gelaran masing-masing, manakala tajuk Malaysia menyimpulkan maklumat bagi semua negeri secara menyeluruh.

Kami berkeyakinan buku ini dapat memberi manfaat dan pengetahuan tambahan kepada generasi muda untuk mengenali negeri-negeri dan masyarakat Malaysia yang berbilang kaum secara lebih dekat.

Selamat membaca!

## PENERBIT

## Bendera Negeri Kelantan Darul Naim



**L**atar belakang berwarna merah maksudnya kejujuran penduduk, rakyat Raja. Lambang kebesaran berwarna putih itu tanda kesucian Raja negeri ini.

## Lambang Negeri Kelantan Darul Naim



**A**khota itu tanda Kedaulatan Sultan. Dua tombak dan dua keris maksudnya kekuatan orang-orang Melayu Kelantan. Anak bulan dan bintang adalah tanda Islam. Dua pucuk meriam maknanya bahawa negeri ini adalah sentiasa sedia untuk mempertahankan dirinya. Dua ekor Kijang mengingatkan kembali kepada sejarah tua negeri ini tatkala Che' Wan Kembang (atau Che' Siti Permaisuri Kelantan (kira-kira pada akhir kurun yang ke-14) yang kerana terlalu kasih kepada kijang kesayangannya, telah memerintahkan wang emas dicap dengan gambar binatang itu.

"BERSERAH KEPADA TUHAN KERAJAAN KELANTAN" ialah cugankata negeri ini.



## Profil Umum dan Kedudukan Fizikal

Kelantan Darul Naim bermakna negeri yang diberi nikmat Allah. Pada suatu ketika dahulu negeri ini terkenal dengan sekolah pondok iaitu tempat pembelajaran khusus bagi agama Islam. Meskipun zaman sekolah pondok telah berlalu, Kelantan masih menjadi pusat perkembangan Islam di Malaysia.

Kelantan terletak di timur laut Semenanjung Malaysia. Bahagian utara negeri ini bersempadan dengan Thailand atau dahulu dikenali sebagai negeri Siam. Negeri ini bersempadan dengan Perak di sebelah barat. Di selatan negeri ini adalah negeri Pahang manakala Terengganu berada di sebelah timur.

Kelantan mempunyai keluasan 14 943 kilometer persegi. Sebahagian besar muka bumi negeri ini diliputi hutan rimba. Kawasan rimba yang luas ini dipenuhi pelbagai hasil hutan yang amat berharga terutamanya kayu balak. Bahagian pantai

negeri Kelantan merupakan bahagian yang telah lama dibuka. Negeri ini menghadapi tiupan angin Monsun Timur Laut yang bertiup antara bulan November hingga bulan Februari setiap tahun.

Kelantan terbahagi kepada 10 daerah iaitu daerah Kota Bharu, Bachok, Pasir Mas, Pasir Putih, Kuala Krai, Tumpat, Tanah Merah, Macang, Gua Musang dan Ulu Kelantan. Ibu negeri Kelantan adalah Kota Bharu. Bandar-bandar utama lain adalah Pasir Mas, Pasir Putih dan Tumpat.

Masyarakat Kelantan pada umumnya menjalankan kegiatan perniagaan. Di pasar-pasar dan di tempat-tempat perniagaan yang lain, bilangan peniaga wanita mengatasi bilangan peniaga lelaki. Golongan wanita Kelantan juga begitu gigih berniaga di luar Kelantan. Selain berniaga, pekerjaan utama penduduk Kelantan adalah sebagai nelayan dan pesawah padi. Kawasan sawah padi di Kelantan adalah yang kedua terbesar






selepas Kedah. Padi di negeri ini ditanam dua kali setahun.

Orang Kelantan mempunyai dialek bahasa yang sungguh unik dan lembut. Tidak kira sama ada orang Melayu ataupun Cina, mereka akan menggunakan dialek yang sama. Ini disebabkan pergaulan antara orang Melayu Kelantan dengan masyarakat Cina sudah menjadi begitu sebatи. Orang Cina yang tinggal di kampung kebanyakannya berpakaian seperti orang Melayu.

Pakaian tradisional masyarakat lelaki Kelantan ialah berkain pelekat atau berkain batik dan menggunakan lilit kepala yang dipanggil semotar. Wanita Kelantan pula biasanya berbaju kurung dan berkain batik. Walau bagaimanapun, pakaian istana Cik Siti Wan Kembang menjadi kebanggaan dan dipertontonkan pada majlis-majlis rasmi.

Sistem Perhubungan utama di



Kelantan adalah jalan raya dan kereta api. Terdapat tiga jalan raya utama yang menghubungkan Kelantan dengan negeri-negeri lain di Semenanjung Malaysia. Pertama,



jalan raya utama di pesisiran pantai iaitu dari Kota Bharu ke Kuala Terengganu dan seterusnya ke Kuantan dan Kuala Lumpur. Kedua, Lebuhraya Timur-Barat yang menghubungkan Kelantan dengan negeri-negeri di sebelah pantai barat Semenanjung Malaysia. Ketiga, terdapat jalan kereta api yang menghubungkan Kelantan iaitu dari Tumpat ke stesen kereta api di Gemas, Negeri Sembilan.



Walaupun Kelantan tidak begitu pesat membangun jika dibandingkan dengan negeri-negeri lain, tetapi negeri ini sering menjadi tumpuan para pelancong. Ini disebabkan Kelantan mempunyai beberapa keistimewaan yang tersendiri.



Istana Balai Besar



Keindahan semula jadi negeri ini masih terpelihara dengan baik. Pencinta alam yang inginkan kedamaian akan berkunjung ke sini apabila bosan dengan kesibukan kota. Pantai-pantai yang sering dikunjungi pelancong ialah Pantai Irama dan Pantai Cahaya Bulan. Suasana damai di sini memberi ketenangan kepada para pengunjung negeri ini.

Di Kelantan juga masih terdapat bangunan-bangunan tradisional yang tetap teguh dan terpelihara. Bangunan Istana Balai Besar yang dibina pada tahun 1844 masih teguh berdiri di tengah-tengah Bandar Kota Bharu. Pada hari ini Istana Balai Besar digunakan sebagai tempat upacara adat-istiadat sahaja.

Bukan sahaja pantai-pantai yang indah, zon budaya Kelantan yang terletak di Kota Bharu patut juga dikunjungi oleh

para pengunjung yang berpeluang melawat negeri ini. Di sini terdapat bangunan-bangunan lama yang memperlihatkan sejarah Kelantan. Antaranya Muzium Diraja atau Istana Batu, Istana Jahar dan Istana Balai Besar. Kebanyakan aktiviti kebudayaan negeri Kelantan seperti makyong, wayang kulit, permainan gasing, rebana ubi dan wau diadakan di gelanggang seni yang juga terletak di Kota Bharu. Ringkasnya, Kelantan sememangnya merupakan sebuah negeri yang kaya dengan warisan budaya.

Kelantan juga merupakan salah sebuah pusat penyebaran ilmu. Terdapat banyak sekolah agama serta pusat pengajian tinggi di Kelantan. Sebagai contoh, cawangan Universiti Sains Malaysia (USM) terletak di Kubang Krian dan cawangan Akademik Islam Universiti Malaya di Nilam Puri. Kampus cawangan Institut Teknologi MARA dan Maktab Rendah Sains MARA juga terdapat di Kelantan.





### Lintasan Sejarah



Masyarakat Kelantan terkenal dengan hasil-hasil seni tradisional seperti membuat batik dan songket. Kain-kain batik Kelantan biasanya menjadi pakaian kegemaran orang Melayu sama ada di Kelantan ataupun negeri-negeri lain di Malaysia.

Kelantan adalah negeri yang aman dan damai. Keindahan alam semula jadi serta keramahan para penduduk negeri ini menjadi satu daya tarikan yang sentiasa mengajak anda mengunjungi negeri ini.

Menurut catatan sejarah, Kelantan mempunyai salasilah sejarah yang panjang. Sejarah awal negeri ini masih belum tercatat dengan jelas dalam mana-mana buku sejarah di negara kita.

Pada tahun 1411 raja yang memerintah Kelantan ialah Raja Kumar. Baginda telah menjalinkan hubungan muhibbah

dengan China. Pada abad kelima belas, Kelantan telah menjadi bertambah masyhur. Ketika itu sultan yang memerintah Kelantan bernama Sultan Mansor Shah. Kemasyhuran Kelantan telah diketahui oleh Sultan Melaka yang terakhir iaitu Sultan Mahmud Shah. Baginda telah menyerang dan menakluki negeri ini. Sultan Mahmud kemudiannya berkahwin dengan salah seorang puteri Kelantan bernama Puteri Onang Kening. Mereka dikurniakan seorang putera. Dalam perkembangan selanjutnya, putera Onang Kening dengan persetujuan Sultan Melaka ditabalkan menjadi Raja Perak yang pertama pada tahun 1531 dengan gelaran Sultan Muzaffar Shah.

Apabila Sultan Mansor Shah Kelantan mangkat pada tahun 1526, baginda digantikan oleh putera baginda yang bernama Raja Gombak. Raja Gombak mengambil cucunya yang bernama Raja Ahmad sebagai putera angkatnya. Kemangkatan Raja Gombak pada tahun 1584 digantikan





oleh Raja Ahmad. Raja Ahmad berkahwin dengan Puteri Nara Diraja yang bernama Puteri Cik Batun. Hasil perkahwinan ini mereka telah dikurniakan seorang puteri yang dinamakan Cik Wan Kembang. Ketika Cik Wan Kembang baru berusia empat tahun, ayahanda baginda Raja Ahmad telah mangkat. Tempatnya digantikan oleh Raja Hussein dari Johor selaku Pemangku Raja dan memerintah Kelantan selama enam belas tahun.

Pada tahun 1610 Cik Wan Kembang telah ditabalkan sebagai Raja dengan gelaran Paduka Cik Siti Wan Kembang. Baginda bersemayam di Gunung Cinta Wangsa di Ulu Kelantan.

Semasa pemerintahan Paduka Cik Siti Wan Kembang, Kelantan bertambah masyhur. Baginda adalah seorang raja perempuan yang berjaya memerintah sebuah negeri yang besar.

Pada suatu ketika baginda telah di

hadiahkan seekor kijang oleh rakyat Gunung Ayam. Oleh sebab terlalu kasih akan kijang tersebut, gambar kijang itu telah diterapkan ke atas wang emas perbelanjaan negeri. Lambang kijang itu kemudiannya dijadikan sebahagian daripada lambang Kelantan dan kekal hingga ke hari ini.

Semasa pemerintahan Paduka Cik Siti Wan Kembang yang berpusat di Gunung Cinta Wangsa, terdapat Kerajaan Jembal yang diperintah oleh Raja Loyar di timur Kelantan. Raja Loyar mempunyai seorang puteri bernama Puteri Sadong yang sangat cantik. Puteri Sadong kemudiannya telah dijadikan anak angkat oleh Paduka Cik Siti Wan Kembang demi untuk menjaga perhubungan muhibbah antara Kerajaan Jembal dengan negeri baginda. Kecantikan Puteri Sadong mengagumkan seisi negeri termasuklah Raja Maha Besar Siam.

Raja Siam telah menghantar rom-





bongan untuk meminang Puteri Sadong tetapi pinangan itu ditolak. Puteri Sadong kemudiannya telah berkahwin dengan sepupunya Raja Abdullah. Ini menyebabkan kerajaan Siam mengisyiharkan perang ke atas Kelantan. Raja Abdullah telah mengizinkan Puteri Sadong berangkat ke Bangkok, Siam. Perbalahan mula meletus apabila Puteri Sadong mendapati suaminya, Raja Abdullah telah berkahwin lain sekembalinya dari Siam. Dalam perbalahan itu Raja Abdullah telah mangkat kerana tertikam cucuk sanggul kepunyaan Puteri Sadong.

Pada akhir tahun 1762, Long Yunus iaitu salah seorang putera keturunan Raja Jembal ditabalkan sebagai Sultan Kelantan. Baginda dianggap sebagai Raja Kelantan yang mula-mula sekali dapat menyatukan seluruh Kelantan seperti yang wujud sekarang. Pada zaman pemerintahan baginda, sepanjang Sungai Kelantan menjadi tumpuan umum. Sungai Kelantan menjadi tempat perdagangan

antara pedagang-pedagang asing yang datang dari Timur Tengah, India, China dan Kepulauan Melayu.

Kemangkatan Long Yunus pada tahun 1798 menyebabkan pemerintahan Kerajaan Kelantan berganti tangan. Oleh sebab baginda tidak melantik bakal penggantinya dan tidak meninggalkan wasiat, menantunya Tengku Mahmud iaitu Putera Sultan Mansur Terengganu dilantik menjadi Yang Dipertuan Kelantan untuk sementara waktu. Dua tahun kemudian, Putera Long Yunus yang bernama Long Muhamad telah merampas kembali takhta Kerajaan Kelantan dari Tengku Mahmud. Pada tahun 1801 Long Muhamad ditabalkan menjadi sultan dengan memakai gelaran Sultan Muhamad I.

Sultan Muhamad I tidak mempunyai putera. Baginda mengambil anak saudara baginda yang bernama Long Senik untuk dijadikan putera angkat dan sekaligus mewasiatkan supaya Long Senik dilantik





menjadi sultan selepas baginda. Walau-pun begitu apabila Sultan Muhamad I mangkat, Long Jamal yang bergelar Raja Bendahara Banggol dilantik menjadi pemerintah Kelantan tanpa mengikut wasiat Almarhum Sultan Mahmud I. Dengan ini perang saudara tercetus dan akhirnya Long Senik ditabalkan menjadi Sultan Kelantan dengan gelaran Sultan Muhammad II. Baginda kemudiannya digantikan oleh puteranya Long Sulong dengan memakai gelaran Sultan Ahmad.

Apabila Sultan Ahmad mangkat pada tahun 1889, tempat baginda kemudian digantikan oleh putera baginda Long Kundor yang memakai gelaran Sultan Muhammad III. Baginda mangkat pada tahun 1899 dan meninggalkan empat orang putera dan empat orang puteri.

Oleh sebab putera-putera Almarhum Sultan Muhammad III masih kecil, saudara baginda yang bernama Sultan Mansor dilantik menjadi Sultan Kelantan.

Sultan Mansor mangkat pada tahun 1899 tanpa meninggalkan pewaris. Dengan itu Tengku Long Senik telah ditabalkan menjadi Sultan Kelantan dengan memakai gelaran Sultan Muhammad IV. Sultan Muhammad IV digantikan oleh Tengku Ismail yang membawa gelaran Sultan Ismail. Baginda ditabalkan pada 28 April 1921. Selama dua puluh satu tahun memerintah, Kelantan telah mencapai banyak kemajuan.

Sultan Ismail mangkat pada 20 Jun 1944 tanpa meninggalkan pewaris. Adinda baginda yang bernama Tengku Ibrahim dilantik menjadi sultan dan bergelar Sultan Ibrahim. Semasa pemerintahan baginda, gelaran 'Raja Kelantan' telah dimansuhkan. Baginda melantik Tengku Indera Putera menjadi bakal sultan. Walau bagaimanapun pada awal tahun 1948 Tengku Indera Putera telah menolak perlantikan ini. Pengakuan ini berkesan hingga kepada warisnya. Dengan itu pada 1 Februari 1948, Tengku Yahya Petra yang





Sultan Ismail  
Petra Ibni Al-  
Marhum Sultan  
Yahya Petra

bergelar Tengku Bendahara ketika itu diisytiharkan sebagai bakal sultan dengan gelaran Tengku Mahkota Kelantan.

Sultan Ibrahim mangkat pada 10 Februari 1960 dan dengan ini Tengku Yahya Petra ditabalkan sebagai Sultan Kelantan. Sultan Yahya Petra pernah menjadi Yang di-Pertuan Agong Malaysia yang keenam. Baginda mangkat pada 29 Mac 1979 dan digantikan oleh putera baginda iaitu Tuanku Ismail Petra yang memerintah Kelantan hingga kini.



Pada tahun 1914, satu pemberontakan yang menentang campur tangan Inggeris meletus di Kelantan. Ini merupakan satu peristiwa penting dalam sejarah Kelantan. Orang yang mengetuai angkatan pemberontakan itu ialah Haji Wan Hassan yang terkenal dengan gelaran Tok

Janggut. Walau bagaimanapun, pemberontakan yang berlaku di Jeram, kira-kira 30 kilometer dari Bandar Kota Bharu itu dapat ditumpaskan pada bulan Jun 1916 oleh pihak Inggeris.

Dalam Perang Dunia Kedua, Kelantan telah berjaya ditawan oleh Jepun. Pihak Jepun kemudian telah meletakkan Kelantan di bawah naungan Siam, sebagai hadiah di atas kerjasama Siam membenarkan tentera Jepun melalui wilayahnya untuk menyerang Tanah Melayu.

Pada bulan Ogos 1945, Jepun telah menyerah kalah dan Tanah Melayu termasuk Kelantan telah diletakkan di bawah pemerintahan Pentadbiran Tentera British.

Pada 1 Februari 1948, Kelantan dilakukan dalam pemerintahan Persekutuan Tanah Melayu dan wujud sebagai sebuah negeri beraja dalam Persekutuan Tanah Melayu dan seterusnya Malaysia.



## Kegiatan Ekonomi dan Pentadbiran



Kelantan merupakan antara negeri termundur di Malaysia pada awal tahun 70-an. Ketika itu negeri ini banyak bergantung kepada sektor pertanian. Pada akhir tahun 70-an Kerajaan Negeri telah memberi tumpuan besar kepada pembinaan jalan raya, bekalan elektrik dan air, empangan, sekolah dan juga klinik. Pembangunan di Kelantan menjadi tanggungjawab Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK). Selain memajukan ekonomi dan sosial Kelantan, PKINK juga mempunyai objektif utama untuk mencapai Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan mencari keuntungan dalam sektor perniagaan.

Pentadbiran PKINK yang begitu kemas telah menjadikan Kelantan sebuah negeri yang sama membangun seperti negeri Terengganu. PKINK telah terlibat secara meluas dalam pembangunan harta tanah, memajukan kawasan bandar dan kawasan perindustrian. Kawasan per-

industrian yang telah dimajukan akan dijual kepada para pelabur. Pada tahun 1990, sebanyak 73 buah syarikat telah membuka kilang di kawasan-kawasan perindustrian iaitu Pengkalan Chepa, Tanah Merah, Jeli, Gua Musang, Kemubu dan Lundang. Sementara itu, 40 buah kilang lagi sedang dalam pembinaan. Kini jumlah pelaburan di Kelantan melebihi RM333 juta. Sektor perindustrian juga telah membuka banyak peluang pekerjaan kepada penduduk Kelantan.

Anak-anak syarikat di bawah PKINK juga telah membuka jalan kepada pelbagai sektor ekonomi di Kelantan. Antara anak-anak syarikat di bawah PKINK adalah Permodalan Kelantan Berhad, Kelantan Baja Corporation, Hotel Perdana dan Kompleks Perkayuan.

Bidang pertanian juga memberi sumbangan ekonomi yang penting di negeri ini. Pada tahun 1984, sektor pertanian meliputi kawasan seluas 250 000 hektar





tanah iaitu 16.8% daripada keseluruhan tanah di Kelantan. Getah dan padi menghasilkan 60% daripada hasil pertanian di Kelantan. Kawasan padi seluas 33651 hektar di negeri ini terletak di bawah Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA). Ini bermakna purata setiap kawasan sawah padi di Kelantan adalah 1.2 hektar.

Selain kawasan padi, terdapat seluas 116 148 hektar tanah untuk tanaman getah, 7400 hektar untuk tanaman tembakau dan 942 937 hektar untuk pembalakan. Kegiatan menternak ikan, ayam, itik dan lembu juga menjadi sebahagian daripada sektor pertanian utama yang turut sama meningkatkan ekonomi Kelantan. Kelantan menghasilkan 90% daripada hasil tembakau di Malaysia.

Kelantan juga mempunyai pelbagai jenis sumber mineral seperti emas, mangan, zink, barita dan lead. Oleh itu aktiviti perlombongan turut memainkan

peranan penting dalam sektor ekonomi Kelantan.

Pengisytiharan Tahun Melawat Malaysia juga telah banyak memberi manfaat kepada rakyat Kelantan. Bukan sahaja tempat-tempat pelancongan yang menjadi daya tarikan, malah industri kraf tangan juga telah berkembang maju.

Pada 16 Ogos 1990, pelancaran Feri Pengkalan Kubur-Tak Bai (Thailand) telah memberi perkhidmatan jalan air yang terbaik di Kelantan. Ini bermakna industri pelancongan semakin bertambah baik dan hasilnya akan sama-sama dinikmati oleh seluruh rakyat Kelantan.



### **• Bandar Kota Bharu**

Kota Bharu, ibu negeri Kelantan dianggap sebagai pusat kesenian dan kebudayaan Melayu di negara kita. Di sini terdapat banyak bangunan perniagaan, jabatan

**Keindahan  
Kelantan  
Darul Naim**




kerajaan serta tempat menarik untuk dilawati. Istana Balai Besar yang dibina pada tahun 1840 terletak di Kota Bharu. Tempat-tempat bersejarah lain yang menarik adalah seperti Padang Merdeka, Istana Jahar, Masjid Kampung Laut, Kampung Cina, Jalan Sultanah Zainab dan Penambang.

Padang Merdeka telah diiktiraf sebagai Zon Budaya Kelantan yang memamerkan segala corak kebudayaan dan kesenian tradisional Kelantan yang lengkap menerusi pelbagai reka bentuk bangunan di situ.

Istana Jahar sekarang telah dijadikan Muzium Tradisional dan Kebudayaan Diraja Kelantan. Istana ini telah dibina pada tahun 1887 oleh Sultan Muhammad II untuk cucunda baginda iaitu Long Kundur. Ukiran-ukiran kayu yang begitu

halus menggambarkan hasil kerja orang Kelantan yang amat seni. Pelbagai barang sejarah dan alat-alat kebesaran Diraja Kelantan pada masa lampau dapat kita saksikan di muzium ini.



Istana Jahar



Zuri Budaya

Gelanggang seni terletak di Jalan Mahmood. Terdapat pelbagai aktiviti kesenian yang dijalankan di gelanggang seni ini. Para pengunjung berpeluang menyaksikan wau yang besar diterbangkan ke angkasa atau mendengar paluan rebana ubi. Pada waktu petang permainan Makyong, Wayang Kulit dan Main Puteri akan dipentaskan. Gelanggang seni ini tidak mengenakan apa-apa bayaran dan pertunjukan akan diadakan pada setiap hari Sabtu, Isnin dan Rabu.





Kota Bharu juga merupakan kawasan untuk membeli-belah dan merupakan sebuah bandar yang sibuk. Terdapat banyak beca roda tiga di bandar ini. Beca-beca ini digunakan oleh penduduk Kota Bharu sebagai kenderaan bagi perjalanan jarak dekat. Jika hendak membeli kain songket, cenderamata daripada perak atau barang-barang perhiasan, para pengunjung boleh singgah ke Pasar Pusat Kota Bharu. Hampir kesemua penjual di pasar ini terdiri daripada kaum wanita. Di sini juga terdapat berbagai-bagai jenis hasil jualan seperti sayur-sayuran, buah-buahan dan kuih-muih. Ini menjadikan Pasar Pusat Kota Bharu sebagai sebuah tempat perniagaan yang sibuk.

#### • **Pusat Pasar Kota Bharu**

Satu lagi tempat membeli-belah yang popular ialah Bazar Buluh Kubu. Bangunan tiga tingkat ini menyediakan bermacam barang perhiasan, cenderamata, pakaian dan lain-lain.

Di bandar Kota Bharu juga terdapat sebuah jambatan besar yang menyeberangi Sungai Kelantan iaitu Jambatan Yahya Petra. Jambatan ini menghubungkan beberapa daerah lain di Kelantan seperti Pasir Mas, Rantau Panjang dan Tanah Merah. Di Bandar Kota Bharu juga terletak Stadium Sultan Muhammad IV. Stadium ini menjadi tumpuan pada setiap kali perlawanan bola sepak atau acara-acara sukan yang lain.


Bermula dari jam 6.00 petang, gerai-gerai yang terletak berhampiran stesen bas utama akan dibuka. Gerai-gerai ini menyediakan masakan tradisional



Pusat Pasar Kota Bharu



Jambatan Yahya Petra



Gerai-gerai di Waktu Malam



Kelantan yang sungguh menyelerakan seperti ayam percik, nasi kerabu, nasi dagang dan bermacam lauk-pauk yang lain. Para pengunjung akan berpeluang menjamu selera di sini.

### • **Bandar Tumpat**

Bandar ini terletak kira-kira 20 kilometer dari Bandar Kota Bharu. Pada suatu ketika dahulu bandar ini terkenal sebagai Bandar Pelabuhan bagi Kelantan. Sekarang pelabuhan ini sudah tidak berfungsi lagi kerana air semakin cetek. Bandar Tumpat kini telah bertukar menjadi perkampungan nelayan yang terbesar di Kelantan. Kawasan Tanjung Duff di Tumpat adalah perkampungan nelayan terbesar di daerah ini.



Tempat peranginan yang cantik di Tumpat adalah Pantai Sri Tujuh. Pantai yang bersih dan indah menjadikan ramai pelawat gemar mengunjungi pantai ini.

## • Bandar Pasir Mas

Suasana di sekitar bandar ini sungguh menarik kerana bandar ini terletak di tengah-tengah perjalanan antara Kota Bharu dengan Pekan Rantau Panjang. Ini bermakna Bandar Pasir Mas sentiasa dikunjungi orang ramai yang berulang-alik ke Pekan Rantau Panjang yang terletak di sempadan Malaysia-Thailand. Di sepanjang jalan raya menuju ke bandar ini terdapat kawasan penanaman padi yang indah menghijau.

## • Bandar Pasir Putih

Bandar Pasir Putih terletak lebih kurang 30 kilometer di Selatan Kota Bharu merupakan pintu masuk dari Terengganu. Pasir Putih terkenal dengan sejarah penentangan pahlawan Tok Janggut terhadap kekuasaan Inggeris. Tempat peranginan yang terkenal di daerah Pasir Putih ialah Pantai Bisikan Bayu atau lebih dikenali sebagai Pantai Pulau Rhu. Di sepanjang pantai ini terdapat banyak pokok-





Pantai Cahaya Bulan

pokok yang menjadikan pantai ini amat sesuai sebagai tempat berehat atau berkelah.

Selain Pantai Pulau Rhu, berhampiran dengan kawasan Pasir Putih ini terdapat beberapa kawasan air terjun. Dua tempat yang paling popular adalah Jeram Pasu dan Jeram Linang. Tempat ini sering dikunjungi oleh para pelancong terutamanya yang gemarkan suasana air terjun yang sejuk dan nyaman. Sebuah lagi kawasan air terjun yang terkenal adalah Lata Beringin yang terletak di kawasan Lebuh Raya Kuala Krai-Gua Musang.

#### **Pantai-pantai Popular**

Selain pantai-pantai yang disebutkan tadi, terdapat banyak lagi pantai yang indah di Kelantan dan yang sering menjadi sebutan

adalah Pantai Cahaya Bulan yang terletak

10 kilometer dari Bandar Kota Bharu. Pantai Dasar Sabak terletak 13 kilometer dari Kota Bharu dan berdekatan dengan Lapangan Terbang Pengkalan Chepa. Manakala Pantai Irama terletak di daerah Bachok. Pesisiran pantai yang bersih dan suasana alam yang sentiasa tenang menjadikan tempat-tempat ini amat sesuai dijadikan tempat perkelahan semasa bercuti.

Kebudayaan dan kesenian adalah identiti istimewa Kelantan yang juga dikenali sebagai negeri Cik Siti Wan Kembang. Masyarakat Kelantan merupakan rakyat negara Malaysia yang masih mempertahankan keaslian budaya. Walaupun cara hidup penduduk negara kita sudah bertambah maju dan moden namun penduduk Kelantan tetap mempertahankan budaya warisan nenek moyang mereka. Ciri-ciri budaya di negeri Cik Siti Wan Kembang ini meliputi berbagai-bagai bidang.

### Ciri-ciri Budaya





Menunun Songket

### • Tenunan Songket

Kain songket biasanya dipakai dalam upacara-upacara budaya atau dalam majlis-majlis keramaian di negara kita. Kain songket Kelantan

seperti juga kain songket Terengganu, dibuat dengan begitu halus dan teliti. Tempat tenunan songket yang terawal di Kelantan ialah di Penambang. Tenunan songket yang menggunakan benang emas atau perak mendapat perhatian para pelancong dari dalam atau luar negara.



Batik

### • Batik

Kelantan adalah pengeluar batik yang utama di Malaysia. Pada hari ini, batik telah digunakan dengan meluas sama ada untuk pakaian wanita ataupun lelaki. Batik juga menjadi pakaian rasmi dalam majlis-

majlis atau upacara-upacara tertentu.

Bagi tujuan komersil, industri batik pada hari ini telah dipelbagaikan. Batik bukan sahaja digunakan untuk membuat pakaian tetapi juga di terapkan untuk keperluan lain seperti langsir, cadar, alas meja, tali leher, saku tangan dan sebagainya.



*Melukis Batik  
Memerlukan  
Kemahiran*

Batik telah menjadi salah satu pakaian rasmi di Malaysia. Penduduk Kelantan harus berbangga kerana dapat mewujudkan suatu corak pakaian kebangsaan negara yang mencerminkan identiti negara kita.




### **• Pertukangan Perak**

Kelantan sememangnya terkenal dengan pertukangan perak yang bermutu tinggi. Tukang-tukang perak yang mahir akan



menghasilkan barang-barang perak berbentuk kerongsang, loket, mangkuk, tali pinggang dan lain-lain lagi.

Pada umumnya, tukang-tukang perak Kelantan mahir dalam menghasilkan pelbagai barang perhiasan dan cenderahati yang menarik.



Membuat Wau



### • Permainan Wau

Wau adalah layang-layang yang besar dan dibuat dengan kepakaran seni yang unggul. Wau biasanya dimainkan oleh petani untuk bersuka ria apabila selesai musim menuai. Antara nama-nama wau yang terkenal ialah Wau Bulan, Wau Kucing, Wau Merak, Wau Burung dan Wau Ikan. Kehebatan sesebuah wau adalah bergantung kepada kemampuan wau itu untuk terbang ke udara dan kelentut-liuk serta lengkok wau itu.

## • Permainan Gasing

Permainan gasing merupakan permainan tradisional yang boleh merapatkan persahabatan dan meluaskan pergaulan. Terdapat dua jenis gasing yang digemari iaitu gasing pangkah dan gasing uri. Permainan gasing di Kelantan kebanyakannya dimainkan oleh orang dewasa.



Pada umumnya gasing uri mempunyai ukuran yang besar, tinggi dan berat lebih kurang 5.5 kilogram. Gasing jenis ini boleh berpusing antara satu hingga dua jam. Gasing uri diberi berbagai-bagai nama seperti Sipal Kendik, Sipal Tanah, Rasuk dan sebagainya. Terdapat 30 jenis gasing uri di seluruh Kelantan.

## • Dikir Barat

Jika negeri Melaka terkenal dengan Dondang Sayang, Kelantan pula boleh



berbangga dengan Dikir Barat. Dikir Barat merupakan kesenian rakyat yang menghiburkan. Dikir Barat adalah kesenian hiburan nyanyian yang menggunakan bahasa daerah. Dalam persembahan Dikir Barat, terdapat seorang tukang karut yang akan bernyanyi dan berpantun. Barisan belakang kumpulan ini dipanggil awak-awak. Apabila tukang karut berpantun dengan pelbagai kata-kata lucu atau sindiran, awak-awak tadi akan mengikut apa yang diperkatakan oleh tukang karut sambil membuat gerak badan dan bertepuk-tepuk tangan mengikut irama. Walaupun agak sukar untuk memahami apa yang dituturkan tetapi persembahan Dikir Barat ini sangat menghiburkan dan telah dikenali oleh masyarakat umum di Malaysia.

### **• Makyong**

Makyong merupakan drama tari yang masih wujud di Kelantan. Drama tari makyong diiringi oleh kumpulan muzik tra-

disional. Alat-alat muzik yang digunakan ialah gendang, gong, rebab dan serunai. Anggota kumpulan makyong biasanya terdiri daripada seorang wanita yang berpakaian lelaki yang dipanggil Mak Yong, seorang pelawak wanita yang di gelar Inang, dua orang pelawak lelaki dan beberapa orang pelakon pembantu.

Ketika persembahan makyong di adakan, para pelakon yang mengambil bahagian akan berdiri. Setelah selesai peranannya pelakon itu akan duduk semula dan digantikan oleh orang lain pula. Begitulah bergilir-gilir sehingga selesai sesuatu persembahan. Kelancaran cerita adalah bergantung kepada watak utamanya iaitu Mak Yong.

Makyong pada suatu ketika dahulu merupakan persembahan yang diadakan di istana raja ataupun di kediaman



Makyong





pembesar-pembesar negeri. Kini mak yong lebih merupakan kesenian rakyat yang telah menjadi suatu kebanggaan warisan budaya di kalangan masyarakat Kelantan.

### • **Wayang Kulit**

Wayang kulit Kelantan merupakan satu lagi warisan budaya yang tidak dapat dipisahkan daripada masyarakat negeri ini. Pada hari-hari keramaian, permainan wayang kulit akan diadakan untuk tontonan orang ramai.

Wayang kulit tidak akan hidup jika tiada Tok Dalang. Tok Dalang adalah orang yang memainkan peranan penting di belakang layar.

Seorang Tok Dalang wayang kulit akan berada di belakang layar putih. Patung-patung wayang kulit tersedia di hadapannya. Beliau akan bercerita dan melakukan watak wayang kulit sambil

menggerak-gerakkan patung-patung wayang kulit itu. Ini bermakna Tok Dalang mestilah seorang yang mahir menceritakan sesuatu sambil menggerakkan patung-patung mengikut jalan ceritanya. Permainan wayang kulit di Kelantan mempunyai pengaruh unsur-unsur wayang kulit Siam.

### • Seni Tari

Tarian rakyat Kelantan menjadi kebanggaan seluruh rakyat Malaysia. Tarian-tarian di negeri ini diperkembangkan hingga ke negeri-negeri lain kerana kesenian tarian ini sungguh mempesonakan. Antara tarian-tarian yang berasal dari Kelantan ialah Tarian Asyik, Tarian Cik Siti Wau Bulan, Tarian Payang, Tarian Inai dan Tarian Garung. Tarian Asyik adalah tarian yang paling terkenal di Kelantan. Tarian ini akan dipersembahkan dalam upacara-upacara



Tarian Asyik





negeri atau dalam majlis-majlis perkahwinan, terutamanya di istana.

Pakaian penari-penari tarian ini hampir menyerupai pakaian penari makyong iaitu berbaju pendek berwarna merah, berkain sarung dan bersetelendang serta memakai pending. Pending adalah sejenis tali pinggang besar yang dibuat daripada perak. Penari utamanya iaitu Puteri Asyik akan memakai perhiasan canggar pada sanggul. Tarian yang lemah gemalai ini pasti mempesonakan penonton, lebih-lebih lagi pelancong-pelancong luar yang datang menyaksikan persembahan kebudayaan ini.

### • **Rebana Ubi**

Rebana ubi merupakan alat muzik tradisional yang terkenal di Kelantan. Paluan rebana ubi ini biasanya dimainkan sebagai penyeri dalam majlis persandingan. Lagu-lagu iringan dalam permainan rebana ubi ini adalah lagu-lagu daerah

seperti lagu Seri Rama Berjalan, lagu Berinai dan lain-lain lagi. Terdapat juga beberapa kumpulan pemain rebana ubi yang sering mengadakan pertandingan pada setiap tahun.



Selain rebana ubi, seni silat dan seni ukir juga menjadi identiti budaya Kelantan. Pada hakikatnya, kebanyakan kesenian rakyat Kelantan mendapat pengaruh yang besar dari negeri Thailand.

Jika dibandingkan dengan negeri-negeri lain di Semenanjung, Kelantan agak ketinggalan dalam arus pembangunan. Suatu ketika dahulu negeri ini banyak bergantung kepada industri perikanan. Kini dengan terbinanya rangkaian sistem perhubungan yang baik, Kelantan mula menumpukan perhatian kepada sektor-sektor lain terutamanya sektor perindustrian.

## Kesimpulan



Kekurangan Kelantan ini diimbangi oleh kekayaan unsur-unsur seni dan kebudayaan yang masih dikekalkan dan terpelihara dengan baik. Kelantan juga terkenal disebabkan kaum wanita negeri ini yang rajin dan gigih sehingga dapat mememonopoli bidang perniagaan.

Hasil kraf tangan yang halus dan indah seperti batik, songket, pertukangan perak, wau dan juga wayang kulit menjadikan Kelantan sebuah destinasi pelancongan yang digemari ramai.